

16/11/1998

Sektor swasta terus jadi asas ekonomi

ad; Azli Ayob

KERAJAAN memberi jaminan akan terus menyediakan suasana perniagaan dan pelaburan yang berdaya maju, ke arah menggerakkan kegiatan sektor swasta di negara ini, kata Menteri Tugas-Tugas Khas, Tun Daim Zainuddin.

Beliau menegaskan, strategi pertumbuhan ekonomi Malaysia akan terus berasaskan sektor swasta dengan pelaburan menjadi asas ekonomi negara, walaupun kerajaan melaksanakan kawalan tukaran asing.

Menurutnya, sektor swasta baik tempatan mahupun asing, perlu terus memainkan fungsi kritikal dalam mengekal dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi pada masa depan.

Selain melabur dalam bidang tradisional, beliau berkata sektor swasta tempatan harus menceburi kawasan pertumbuhan berpotensi, menerusi usaha sama dan hubungan strategik dengan rakan asing yang memiliki kemampuan dalam bidang terbabit.

"Dengan persaingan di peringkat antarabangsa yang semakin memuncak, daya usaha sektor swasta perlu ditumpukan ke arah usaha pelaburan berterusan, untuk mengembangkan kegiatan mereka serta mempelbagaikan operasi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bertajuk 'Peluang Perniagaan di Malaysia' ketika jamuan makan tengah hari Sidang Perniagaan Apec, di Pusat Dagangan Dunia Putra yang diadakan sempena sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang bermula esok.

Persidangan itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dihadiri lebih 1,000 ahli perniagaan merangkumi pengerusi, ketua eksekutif dan presiden syarikat terkemuka dunia.

Daim berkata, usahawan dari ekonomi Apec perlu mengambil kesempatan daripada dasar liberal Malaysia berhubung pelaburan asing, untuk mewujudkan rangkaian dan perkongsian bijak.

"Kekuatan dan kemahiran kita sudah tentu akan mewujudkan satu keadaan 'menang-menang'."

"Saya percaya lebih banyak 'jambatan', sama ada dalam bentuk fizikal atau bayangan lain, perlu dibina untuk mengukuhkan hubungan di kalangan rakyat Asia Pasifik," katanya.

Menyentuh peraturan kawalan tukaran mata wang, beliau menjelaskan gambaran yang diberikan oleh media asing kononnya dana asing diperangkap di negara ini, sekali gus pelabur harus mengelakkan Malaysia, adalah salah.

Menurut Daim, tindakan mengawal tukaran mata wang bukan bertujuan mengehad kemasukan dana asing, tetapi ke arah memastikan pelaburan yang ikhlas serta menghalang kemasukan pelabur jangka pendek.

"Saya ingin memberi jaminan kerajaan akan memenuhi semua keperluan ikhlas bagi tukaran asing, bagi membiayai operasi import dan eksport serta kemasukan pelaburan."

"Tukaran asing kekal bebas untuk masuk dan keluar kecuali yang digunakan untuk pembelian saham, yang perlu kekal di Malaysia sekurang-kurangnya setahun," katanya.

Beliau menjelaskan, kerajaan terpaksa mengambil langkah drastik itu kerana strategi memulihkan ekonomi sering diganggu ketidakstabilan kadar mata wang, yang dilakukan oleh spekulator asing.

Bagaimanapun, katanya, tanda awal menunjukkan keadaan semakin pulih dengan sektor perbankan kini memiliki kecairan tambahan serta kadar faedah yang rendah.

"Ada sektor tertentu yang mencatat peningkatan dalam permintaan produk, manakala simpanan luaran negara semakin pulih," katanya.

Sementara itu ketika ditemui pemberita, Daim berkata, ketidakstabilan yang berlaku di Indonesia tidak seharusnya memberi kesan kepada usaha pemulihan ekonomi di negara ini.

(END)